

**PEJABAT BENDAHARI
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

KUitTHO.(PB)10.12/03 Jld 2 (6)

Tarikh: 25 Januari 2002

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 1/2002

Semua Pengurus Bahagian
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

Saudara,

SKIM PINJAMAN KENDERAAN DAN KOMPUTER KUIITTHO

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Sukacita dimaklumkan bahawa Lembaga Pengarah Universiti telah meluluskan skim pinjaman kenderaan dan komputer untuk dimanfaatkan oleh staf yang berjawatan tetap dan kontrak.

Surat pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan syarat-syarat umum pinjaman yang perlu dipatuhi oleh semua staf Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

1. PINJAMAN KENDERAAN

- 1.1 Borang pinjaman kenderaan hendaklah diisi dalam 3 salinan.
- 1.2 Staf dikehendaki mengepilkan surat pengesahan jawatan atau surat tawaran jawatan bagi yang belum disahkan ke jawatan tetap bersama-sama borang permohonan.
- 1.3 Staf juga dikehendaki mengepilkan salinan slip gaji terakhir, salinan lesen memandu yang sah, salinan kad pengenalan dan sebutarga kenderaan.
- 1.4 Pinjaman untuk membeli kereta hanya layak bagi staf yang mempunyai gaji pokok RM 1,320.00 keatas sahaja. (Kelayakan tersebut bergantung kepada arahan Perbendaharaan dari masa ke semasa)
- 1.5 Syarat-syarat lain seperti yang terkandung di dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5/2001 dan Bil. 9/2000 serta Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7/1993 dan Bil. 8/1993.

2. PINJAMAN KOMPUTER

- 2.1 Borang pinjaman komputer hendaklah diisi dalam 3 salinan.
- 2.2 Staf dikehendaki mengepilkan salinan slip gaji terakhir, sebutarga komputer dan surat pengesahan jawatan atau surat tawaran jawatan bagi yang belum disahkan ke jawatan tetap bersama-sama borang permohonan.
- 2.3 Syarat-syarat lain adalah seperti yang terkandung di dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8/2000 dan Bil. 14/1993 serta Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3/1993 dan Bil. 8/1992.

3. URUSETIA PINJAMAN

Semua urusan pinjaman/pembiayaan akan dikendalikan oleh Unit Gaji dan Pinjaman, Pejabat Bendahari yang boleh di hubungi melalui sambungan telefon 6118 (En. Norzaimi b. Hamisan atau Cik Zuhaila Anida bte Zainal Abidin).

4. KUATKUASA PEKELILING


Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan dan dibaca bersama Pekeliling Perbendaharaan, Surat Pekeliling Perbendaharaan dan Arahan Perbendaharaan yang berkuatkuasa dimana bersesuaian.

Kerjasama dan perhatian saudara adalah diharapkan agar dapat memanjangkannya kepada staf di bahagian saudara.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar



ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Pemangku Bendahari

☎ 4536007

- s.k
1. Yang Berbahagia Rektor, KUiTTHO
 2. Timbalan Rektor (HEP)
 3. Timbalan Rektor (Akademik)
 4. Pemangku Pendaftar
 5. Unit Audit Dalam